



30.11.2018

## KENYATAAN MEDIA

### DUA LAGI ANUGERAH “PENANG GREEN OFFICE” UNTUK PBAPP

PULAU PINANG, Jumaat, 30.11.2018: Penang Green Council telah menyampaikan 2 lagi anugerah “Penang Green Office” (PGO) kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

Anugerah PGO yang baharu adalah untuk:

- Divisyen Hal Ehwal Korporat, Aras 32, Komtar; dan
- Divisyen Sumber Manusia, Aras 32, Komtar.

Sehingga kini, 7 pejabat PBAPP telah menerima pensijilan PGO yang sah untuk tempoh 2 tahun. 5 pejabat PBAPP lain yang telah menerima pensijilan sama sebelum ini adalah:

- Pusat Khidmat Pelanggan Bayan Baru;
- Pusat Khidmat Pelanggan Komtar;
- Pusat Khidmat Pelanggan Taman Selat;
- Pusat Khidmat Pelanggan Bukit Mertajam; dan
- Makmal Pusat, Loji Rawatan Air Sungai Dua.

Sebagai pengendali bekalan air yang komited untuk pembangunan mampan, PBAPP telah melaksanakan amalan dan prosedur secara aktif untuk memastikan bahawa pejabatnya adalah mesra alam sekitar.

PBAPP memegang pensijilan antarabangsa ISO14001: 2015 untuk pengurusan alam sekitar. Ia komited sepenuhnya ke arah melindungi, memelihara dan memulihara alam sekitar sambil berusaha memenuhi semua keperluan bekalan air di Pulau Pinang.

---

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat

Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)





**PBA**  
Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

